

Ruj. Fail : MBSJ.KP.100-6/1/1( )

**MINIT MESYUARAT PENUH  
MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA  
BIL. 12 TAHUN 2021**

**Tarikh** : **30 November 2021 (Selasa)**

**Masa** : **10.00 pagi – 11.45 pagi**

**Tempat** : ***Hybrid***  
**Bilik Mesyuarat Kenanga dan**  
**Secara Dalam Talian**  
**(Aplikasi Zoom *Meeting*)**

**Kehadiran** : **Seperti di Lampiran A**

**1.0 BACAAN DOA**

Mesyuarat dimulakan dengan bacaan doa oleh Tuan Haji Mohd Zulkurnain bin Che Ali, Setiausaha Majlis Bandaraya Subang Jaya.

**2.0 TAYANGAN AKTIVITI BULAN NOVEMBER 2021**

Tayangan video sorotan program dan aktiviti sepanjang bulan November 2021.

### 3.0 PERUTUSAN DATUK BANDAR

Datuk Bandar memulakan mesyuarat dengan mengucapkan salam kepada semua yang hadir dan memaklumkan bahawa mesyuarat kali ini merupakan Mesyuarat Penuh Majlis Bandaraya Subang Jaya kali yang ke dua belas bagi tahun 2021 yang dilaksanakan secara *hybrid* iaitu bersemuka dan secara dalam talian. Seterusnya pemakluman beberapa perkara seperti yang berikut :

- i) Semua ahli mesyuarat secara dalam talian diminta untuk mengaktifkan video dan memaparkan wajah sebenar sepanjang mesyuarat berlangsung bagi memastikan keberadaan semasa mesyuarat. Ahli mesyuarat juga perlu memastikan mikrofon dimatikan agar tidak mengganggu sesi mesyuarat. Sekiranya ahli mesyuarat ingin menyuarakan pendapat, maka mikrofon boleh dihidupkan untuk tujuan tersebut.
- ii) Pengisytiharan kepentingan peribadi bagi Mesyuarat Penuh. Semua ahli mesyuarat diwajibkan mengisytihar kepentingan peribadi ke atas sebarang keputusan yang dibincangkan serta hendaklah berkecuali dengan menyatakan kepentingan dan berundur diri seketika semasa perbincangan. Selaras dengan keputusan Mesyuarat MMKN bil 21/2018, Ahli Majlis diminta mengisi borang Pengisytiharan Kepentingan Ahli Mesyuarat setiap kali mesyuarat diadakan.

- iii) Pemakluman larangan menggunakan peralatan komunikasi semasa mesyuarat berlangsung.
- iv) Datuk Bandar memaklumkan bahawa MBSJ sedang dalam peringkat pengumpulan maklumat berkaitan Kajian Inventori Gas Rumah Hijau dan Pelan Tindakan Perubahan Iklim MBSJ 2030.

Kajian ini melibatkan *stakeholder* di seluruh pentadbiran Majlis Bandaraya Subang Jaya iaitu melalui Agensi Kerajaan melibatkan institusi dan syarikat pengangkutan dan utiliti serta Agensi Swasta yang melibatkan pengusaha perniagaan dan pemilik industri.

Kajian dan Laporan Inventori GHG ini dilaksanakan secara menyeluruh iaitu *city-wide* dan mengguna pakai Garis Panduan *Global Protocol for Community-Scale Greenhouse Gas Emission Inventories (GPC)*. Data dan maklumat yang diperlukan adalah penggunaan tenaga elektrik, petrol, diesel, gas, air, bahan kimia, keluasan lantai bersih, jangka masa operasi, output pengeluaran dan perjalanan kakitangan. Semua data dan maklumat yang dikumpulkan akan dipastikan kerahsiaannya melalui Non-Disclosure Agreement (NDA) yang ditandatangani oleh semua pemberi data.

Antara faedah yang akan diperolehi adalah seperti berikut :

- i) Bagi pembangunan sedia ada Pihak Majlis boleh merancang dan memperkenalkan peraturan dan polisi baharu yang

bersesuaian, mengadakan program-program mitigasi dan adaptasi mengikut keutamaan yang mampu memberi impak positif kepada ekonomi, alam sekitar dan seluruh penduduk Subang Jaya;

- ii) Ia juga dapat mengenal pasti peluang penjimatan kos operasi terutama dari segi penggunaan tenaga elektrik dan bahan api bagi keseluruhan operasi;
- iii) Menjadikan MBSJ sebagai sebuah bandaraya yang setaraf dengan bandaraya - bandaraya lain dari segi kemampanan bandar;
- iv) Pelan Tindakan Perubahan Iklim Bandaraya Subang Jaya ini selaras dengan komitmen kerajaan persekutuan kepada UNFCCC (United Nations Framework Convention on Climate Change) di persidangan COP26 UK bagi pengurangan 45% intensiti karbon daripada KDNK pada tahun 2030 dan *Carbon Neutral* pada tahun 2050.

Kajian Inventori Gas Rumah Hijau ini bermula pada September 2021 sehingga Februari 2022. Dengan ini semua pihak yang terlibat dimohon untuk memberi kerjasama dengan berkongsi data-data dan maklumat seperti yang diperlukan agar Kajian Inventori Gas Rumah Hijau dan Pelan Tindakan Perubahan Iklim Bandaraya Subang Jaya yang memberi faedah kepada semua pihak dapat dibangunkan dengan jayanya.

- v) Beliau turut memaklumkan data berkaitan kes demam denggi di kawasan pentadbiraan MBSJ. Sehingga Minggu Epid 47 iaitu daripada 21 November 2021 sehingga 27 November 2021, terdapat sebanyak 1,755 kes positif demam denggi dilaporkan di kawasan pentadbiran MBSJ. Setakat 27 November 2021, tiada lokaliti *hotspot* denggi dilaporkan di kawasan pentadbiran MBSJ.

Syukur ke hadrat Ilahi kerana jumlah kes demam denggi di kawasan pentadbiran MBSJ telah menunjukkan penurunan lebih kurang 72 peratus berbanding tempoh yang sama pada tahun 2020.

Walau bagaimanapun, masyarakat diminta memastikan kawasan dan persekitaran premis masing-masing bebas daripada tempat pembiakan nyamuk *Aedes* dengan meluangkan masa 10 minit seminggu sekali untuk mencari dan memusnahkan tempat-tempat pembiakan di dalam dan sekitar premis masing-masing.

- vi) Datuk Bandar turut berkongsi maklumat berkenaan kes covid-19. Statistik di Malaysia sehingga 27 November 2021 menunjukkan terdapat sebanyak 2.6 juta kes positif Covid 19 dilaporkan dengan lebih 30 ribu kes kematian. Di Selangor, terdapat lebih kurang 750 ribu kes positif Covid 19 dengan lebih 9,700 kes kematian manakala data bagi kawasan Daerah Petaling melaporkan sebanyak 220 ribu kes positif Covid 19 dengan lebih 76 ribu kes positif adalah di kawasan pentadbiran MBSJ.

Sebanyak 272 kes positif Covid 19 telah dilaporkan di kalangan kakitangan MBSJ sehingga 27 November 2021 sejak pandemik ini bermula. Bagi situasi semasa, terdapat 2 kes aktif di kalangan kakitangan MBSJ dan kedua-duanya sedang menjalani kuarantin di rumah.

Sehingga kini juga, seramai 1,484 meliputi 99.80% kakitangan MBSJ telah lengkap menerima 2 dos vaksin Covid 19.

Baru-baru ini dimaklumkan bahawa terdapat satu varian baharu virus Covid 19 iaitu varian Omicron yang dikatakan mula di ditemui di Afrika Selatan dan di beberapa negara lain. Varian baru ini dikatakan sangat cepat merebak dan ini amat membimbangkan semua pihak.

Sehubungan dengan itu, walaupun telah menerima suntikan vaksin Covid 19, masyarakat diingatkan untuk tidak leka dan terus mematuhi SOP yang telah ditetapkan dengan mengelakkan 3S (Sesak, Sempit dan Sembang Dekat) serta mengamalkan 3W iaitu *Wash* (kerap basuh tangan / menggunakan *hand sanitizer*), *Wear* (digalakkan memakai pelitup mulut dan hidung), *Warn* (tidak bersalaman, etika batuk / bersin, disinfeksi serta periksa suhu badan).

- vii) Datuk Bandar memaklumkan berkenaan Pelancaran Aplikasi Mobile EzyPay MBSJ. Dalam merealisasikan dasar kerajaan iaitu Rangka Tindakan (Blueprint) Ekonomi Digital Malaysia yang menetapkan sasaran 80% perkhidmatan kerajaan dalam talian daripada peringkat awal ke akhir serta semua agensi kerajaan di mohon menyediakan pilihan pembayaran tanpa tunai menjelang tahun 2022, MBSJ telah melaksanakan beberapa inisiatif dan inovasi bagi memberi perkhidmatan digital yang terbaik kepada para pelanggan.

Inisiatif terkini yang dilaksanakan oleh MBSJ adalah membangunkan Aplikasi Mudah Alih EzyPay MBSJ yang akan memberi kemudahan kepada para pelanggan dalam melaksanakan urusan seperti muat turun e-bil cukai, semak dan bayar cukai, kompaun serta semak status permohonan lesen perniagaan seterusnya membuat bayaran menggunakan FPX dan E-Wallet. Semua proses kemas kini bayaran adalah secara '*real time*' dan tiada caj tambahan kepada pengguna. Aplikasi ini akan diperluaskan lagi untuk urus niaga yang lain serta menambahkan mod bayaran menggunakan kad kredit dan debit.

Selaras dengan Pelan Strategik Subang Jaya 2020-2025, Teras 5, Capaian Pintar di bawah Strategi 2 iaitu Transaksi Di Hujung Jari serta Pelan Tindakan 3, '*Cashless Society*', perkhidmatan digital yang disediakan ini akan memberi kesan positif kepada pelanggan dari segi masa, tenaga, kewangan dan alam sekitar. Perkhidmatan

ini juga turut mencapai objektif SDG 15 (*Life On Land*) Dan SDG 7 (*Affordable And Clean Energy*).

- viii) Datuk Bandar juga berkongsi maklumat berkaitan Kaunter Pembaharuan Lesen Pasar Pagi, Pasar Malam, Pasar Awam dan Medan Selera MBSJ 2022 yang akan dibuka bermula 29 November 2021 sehingga 24 Disember 2021 seperti berikut :

Tarikh	Lokasi	Zon
29 November – 13 Disember 2021	Dewan Serbaguna USJ 7, Subang Jaya	<ul style="list-style-type: none"><li>• Subang Jaya</li><li>• Kinrara</li><li>• Puchong</li><li>• Putra Heights</li></ul>
16 Disember – 24 Disember 2021	Stadium MBSJ Serdang Jaya, Seri Kembangan	<ul style="list-style-type: none"><li>• Serdang</li><li>• Seri Kembangan</li></ul>

Masa operasi bagi hari Isnin sehingga Khamis adalah pada jam 9.00 pagi sehingga 12.30 tengah hari bagi sesi pagi dan jam 2.00 petang sehingga 4.00 petang bagi sesi petang. Manakala bagi hari Jumaat sesi pagi adalah pada jam 9.00 pagi sehingga 12.00 tengah hari dan 2.30 petang sehingga 4.00 petang bagi sesi petang.

- ix) Datuk Bandar memaklumkan bahawa Kejohanan Bola Sepak yang melibatkan 24 Pasukan daripada Majlis Perwakilan Penduduk MBSJ akan berlangsung bermula 4 Disember 2021 pada jam 4.00



petang sehingga 8.00 malam bertempat di Arena MBSJ dan Stadium 3K Subang Jaya.

- x) Datuk Bandar mewakili warga Majlis Bandaraya Subang Jaya mengucapkan selamat menjalankan tugas sebagai Ahli Majlis, Majlis Bandaraya Subang Jaya kepada Cik Syafiqah binti Zakaria daripada Parti PKR.
  
- xi) Beliau turut mengucapkan terima kasih kepada semua yang hadir dan berharap mesyuarat pada hari ini berjalan lancar.

#### **4.0 PENGESAHAN MINIT MESYUARAT PENUH MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA BIL. 11/2021**

Minit Mesyuarat Penuh Majlis Bandaraya Subang Jaya Bil. 11/2021 bertarikh 27 Oktober 2021 (Rabu) disahkan tanpa sebarang pindaan.

#### **5.0 MAKLUM BALAS MESYUARAT PENUH MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA BIL. 11/2021**

Maklum balas Mesyuarat Penuh Majlis Bandaraya Subang Jaya Bil. 11/2021 bertarikh 27 Oktober 2021 (Rabu) disahkan tanpa sebarang pindaan.

## **6.0 PEMBENTANGAN LAPORAN MESYUARAT JAWATANKUASA**

### **6.1 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) Perancangan dan Pembangunan Majlis Bandaraya Subang Jaya bil. 18/2021 bertarikh 20 Oktober 2021**

-----

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah bersetuju menerima laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

### **6.2 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) Perancangan dan Pembangunan Majlis Bandaraya Subang Jaya bil. 19/2021 bertarikh 2 November 2021**

-----

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah bersetuju menerima laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

### **6.3 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) Perancangan dan Pembangunan Majlis Bandaraya Subang Jaya bil. 20/2021 bertarikh 17 November 2021**

-----

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah bersetuju menerima laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

**6.4 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kemasyarakatan Majlis Bandaraya Subang Jaya bil. 7/2021 bertarikh 11 November 2021**

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah bersetuju menerima laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut dengan cadangan seperti yang berikut :

<b>Bil</b>	<b>Para &amp; M/Surat</b>	<b>Ahli Majlis</b>	<b>Perkara</b>	<b>Pindaan / Cadangan</b>
1.	Para 6.2 & m/s 8	Tuan Ar.Kamarul Hisham bin Hj.Yeop Hashim	Kertas Makluman Status Penggunaan dan Baki Peruntukan Program Pangsapuri dan Kampung Angkat (MPP) MBSJ sehingga Oktober 2021	Beliau inginkan penjelasan berkenaan baki peruntukan yang belum digunakan samada boleh digunakan oleh MPP zon lain.  <b>Keputusan Mesyuarat :</b>  Mesyuarat meminta MPP yang masih belum membuat tuntutan pembayaran supaya melaksanakan dengan segera kerana proses pembayaran akan

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
				<p>berakhir pada 31 Disember 2021. Baki peruntukan dicadangkan dibuat pembelian barangan untuk kegunaan penduduk seperti tong air, tong kitar semula dan lain-lain. Serahan barangan akan diberikan kepada semua MPP dengan keutamaan MPP yang mempunyai baki peruntukan.</p> <p style="text-align: right;"><b>Tindakan : Jabatan Pembangunan Masyarakat</b></p>
2.	Para 7.1 & m/s 19	Encik M.Anbarasan A/L Murugesu	Kertas Cadangan Majlis Anugerah Perwakilan Penduduk (MPP) Majlis Bandaraya Subang Jaya Tahun 2021	Beliau memohon penjelasan bilangan wakil MPP yang dijemput ke Majlis Anugerah tersebut. <p><b>Keputusan Mesyuarat :</b></p>

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
				<p>Mesyuarat memaklumkan bahawa Jabatan masih dalam proses mendapatkan hotel yang memberikan kadar harga yang rendah. Bilangan ahli MPP yang telah dipersetujui dalam Mesyuarat Jawatankuasa yang lepas adalah seramai 8 orang ahli termasuk Ahli Majlis dan Pembantu Ahli Majlis.</p> <p style="text-align: right;"><b>Tindakan : Jabatan Pembangunan Masyarakat</b></p>
3.	Para 9.3.3 & m/s 43	Encik Thamarusu a/l Sandayan	Status Permohonan TOL di bawah rentisan TNB	Beliau memohon supaya permohonan TOL di bawah rentisan TNB disegerakan untuk kegunaan penduduk

<b>Bil</b>	<b>Para &amp; M/Surat</b>	<b>Ahli Majlis</b>	<b>Perkara</b>	<b>Pindaan / Cadangan</b>
				<p>meletakkan kenderaan.</p> <p><b>Keputusan Mesyuarat :</b></p> <p>Mesyuarat memaklumkan bahawa permohonan TOL adalah di bawah bidang kuasa Pejabat Tanah dan Daerah. Jabatan Perancangan Bandar diminta menyemak berkenaan permohonan ini.</p> <p><b>Tindakan :</b> <b>Jabatan Perancangan Bandar</b></p>
4.		Encik Mohan Singh a/l Surtar Singh		Beliau memohon penjelasan berkenaan permohonan kebun komuniti di bawah rentisan TNB samada diuruskan oleh penduduk atau Majlis?

<b>Bil</b>	<b>Para &amp; M/Surat</b>	<b>Ahli Majlis</b>	<b>Perkara</b>	<b>Pindaan / Cadangan</b>
				<p>Terdapat isu di mana pihak TNB telah memotong pokok yang ditanam oleh penduduk.</p> <p><b>Keputusan Mesyuarat :</b></p> <p>Mesyuarat memaklumkan bahawa Garis Panduan Kebun Komuniti telah memutuskan semua permohonan kebun komuniti adalah melalui pihak Majlis. Ahli Majlis kawasan perlu membuat permohonan kepada Jabatan Landskap.</p> <p><b>Tindakan :</b> <b>Jabatan Landskap</b></p>

#### 6.4 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Infrastruktur, Pengangkutan dan Kemudahan Awam Majlis Bandaraya Subang Jaya Bil. 7/2021 bertarikh 11 November 2021

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah bersetuju menerima laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut dengan cadangan seperti yang berikut :

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
1.	-	Datuk Bandar	-	<p>Beliau meminta Jabatan Kejuruteraan membuat pelaporan terperinci berkenaan perkara berikut :</p> <ul style="list-style-type: none"><li>i) Status dan pelaksanaan sebenar di tapak bagi projek-projek Majlis;</li><li>ii) Penggunaan wang ISF dan caj pemajuan.</li></ul> <p><b>Keputusan Mesyuarat :</b></p> <p>Mesyuarat meminta Jabatan Kejuruteraan membuat pelaporan dalam</p>



<b>Bil</b>	<b>Para &amp; M/Surat</b>	<b>Ahli Majlis</b>	<b>Perkara</b>	<b>Pindaan / Cadangan</b>
				Mesyuarat Jawatankuasa Infrastruktur, Pengangkutan dan Kemudahan Awam.  <b>Tindakan : Jabatan Kejuruteraan</b>

**6.5 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kesihatan dan Kesejahteraan Bandar Majlis Bandaraya Subang Jaya bil. 8/2021 bertarikh 15 November 2021**

-----  
Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah bersetuju menerima laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

**6.6 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kewangan Majlis Bandaraya Subang Jaya bil. 10/2021 bertarikh 16 November 2021**

-----  
Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah bersetuju menerima laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

**6.7 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Perkhidmatan dan Teknologi Maklumat Majlis Bandaraya Subang Jaya bil. 7/2021 bertarikh 16 November 2021**

-----

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah bersetuju menerima laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

**6.8 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kawalan Perniagaan Majlis Bandaraya Subang Jaya bil. 8/2021 bertarikh 24 November 2021**

-----

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah bersetuju menerima laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut dengan cadangan seperti yang berikut :

<b>Bil</b>	<b>Para &amp; M/Surat</b>	<b>Ahli Majlis</b>	<b>Perkara</b>	<b>Pindaan / Cadangan</b>
1.	-	Datuk Bandar	-	Beliau memaklumkan bahawa merujuk kepada laporan yang diterima daripada pihak Kerajaan Negeri Selangor menyatakan bahawa tempoh untuk pengeluaran lesen perniagaan MBSJ

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
				<p>mengambil masa yang lama iaitu melebihi 100 hari.</p> <p><b>Keputusan Mesyuarat :</b></p> <p>Datuk Bandar memaklumkan bahawa permohonan lesen perniagaan yang mengambil tempoh masa yang lama adalah terhadap beberapa aktiviti pelesenan sahaja seperti hiburan dan perniagaan yang berisiko.</p> <p>Mesyuarat bersetuju supaya Jabatan Pelesenan membuat pelaporan kepada pihak UPEN - Seksyen Pihak Berkuasa Tempatan dan disalinkan kepada Setiausaha Kerajaan</p>

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
				<p>Negeri berhubung kaedah MBSJ mengikut bilangan permohonan yang telah diluluskan. Laporan tersebut perlu dimasukkan data berkaitan Jenis Lesen, Kuantiti Pemohonan serta Tempoh Masa Kelulusan Lesen supaya tidak kelihatan tempoh masa sesuatu kelulusan lesen mengambil masa yang lama berbanding PBT lain.</p> <p style="text-align: right;"><b>Tindakan :</b> <b>Jabatan Pelesenan</b></p>

## **7.0 PEMBENTANGAN KERTAS MESYUARAT**

### **7.1 Kertas Cadangan Ahli Jawatankuasa dan Zon Majlis Perwakilan Penduduk (MPP), Cik Syafiqah binti Zakaria Ahli Majlis, Majlis Bandaraya Subang Jaya**

Kertas cadangan ini telah disediakan oleh Jabatan Khidmat Pengurusan dan dibentangkan oleh Setiausaha Perbandaran.

#### **Keputusan Mesyuarat :**

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah bersetuju menerima Kertas Cadangan Ahli Jawatankuasa dan Zon Majlis Perwakilan Penduduk (MPP), Cik Syafiqah binti Zakaria Ahli Majlis, Majlis Bandaraya Subang Jaya.

Beliau dilantik sebagai Pengerusi Majlis Perwakilan Penduduk (MPP) Zon 5 meliputi kawasan Taman Batu Tiga, Taman Mutiara Subang, Taman Perindustrian Subang Hi-Tech, Taman Perindustrian UEP (TP 7), Taman Pinggiran USJ, Taman Subang Heights, Taman Subang Mas, Taman USJ Heights dan Tropicana Metropark.

Jawatankuasa yang akan dianggotai adalah :

- i) Mesyuarat Jawatankuasa Perkhidmatan dan Teknologi Maklumat
- ii) Mesyuarat Jawatankuasa Kemasyarakatan

- iii) Mesyuarat Jawatankuasa Kesihatan dan Kesejahteraan Bandar
- iv) Mesyuarat Jawatankuasa Audit dan Pengurusan Korporat.

Pembayaran elaun dan kelayakan kemudahan Ahli Majlis yang dilantik akan berkuat kuasa daripada tarikh Angkat Sumpah dan Menandatangani Watakah Ahli Majlis iaitu pada 30 November 2021.

## **7.2 Pembentangan Sijil Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Kewangan Majlis Bandaraya Subang Jaya Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2020**

Kertas cadangan ini telah disediakan oleh Jabatan Perbendaharaan dan dibentangkan oleh Pengarah Perbendaharaan.

### **Keputusan Mesyuarat :**

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah bersetuju menerima Pembentangan Sijil Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Kewangan Majlis Bandaraya Subang Jaya Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2020.

## **8.0 UCAPAN PENANGGUHAN**

Ucapan penanguhan telah diberikan oleh Parti Whip PKR, Encik M.Anbarasan A/L Murugesu.

## **9.0 PENUTUP**

Datuk Bandar mengucapkan terima kasih dan mesyuarat ditangguhkan pada jam 11.45 pagi.

Tarikh Disediakan : 1 Disember 2021

**" SELANGOR MAJU BERSAMA "**

**" MESRA, CEKAP DAN BERINTEGRITI "**

**Disediakan oleh;**

.....  
**(HJ. MOHD ZULKURNAIN BIN CHE ALI), A.M.N., A.M.S.**

Setiausaha

**MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA**

**Disahkan oleh;**

.....  
**(TPr. NORAINI BINTI ROSLAN), S.I.S., P.P.T**

Datuk Bandar

**MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA**

## LAMPIRAN

### HADIR DI PEJABAT

- |    |   |   |                         |
|----|---|---|-------------------------|
| 1. | TPr. Noraini binti Roslan, S.I.S., P.P.T<br>Datuk Bandar                        | - | Pengerusi               |
| 2. | Tuan Haji Mohd Zulkurnain bin Che Ali, A.M.N., A.M.S.<br>Setiausaha Perbandaran | - | Setiausaha<br>Mesyuarat |

### HADIR (AHLI MAJLIS)DI PEJABAT

- |     |   |   |             |
|-----|---|---|-------------|
| 1.  | Encik Yap Kok Weng                        | - | Ahli Majlis |
| 2.  | Encik M.Anbarasan A/L Murugesu            | - | "           |
| 3.  | Tuan Ar.Kamarul Hisham bin Hj.Yeop Hashim | - | "           |
| 4.  | Encik Mehanatan a/l Embamurthi            | - | "           |
| 5.  | Encik Thomas Yew Sin                      | - | "           |
| 6.  | Encik Thamilarusu a/l Sandayan            | - | "           |
| 7.  | Encik Wong Yii Seang                      | - | "           |
| 8.  | Puan Ng Seow Chen                         | - | "           |
| 9.  | Encik Thong Kim Fatt                      | - | "           |
| 10. | Encik Mohd Fitri bin Jamaludin            | - | "           |
| 11. | Encik Mohd Syafiq bin Mohamad Norizan     | - | "           |



- |     |                                 |   |   |
|-----|---------------------------------|---|---|
| 12. | Encik Muhammad Fauzan bin Rosli | - | " |
| 13. | Encik Jestin Raj Savarimuthu    | - | " |
| 14. | Cik Syafiqa binti Zakaria       | - | " |

**HADIR (AHLI MAJLIS)- DALAM TALIAN DI KEDIAMAN MASING-MASING**

- |     |                                    |   |   |
|-----|------------------------------------|---|---|
| 15. | Encik Mohan Singh a/l Surtar Singh | - | " |
| 16. | Encik Chia Yew Ken                 | - | " |
| 17. | Puan Lee Jen Uyin                  | - | " |
| 18. | Encik Mohd Tarmizi bin Lazim       | - | " |
| 19. | Encik Muhammad Khairil bin Khalid  | - | " |
| 20. | Encik Teh Eng Teck                 | - | " |
| 21. | Puan Aniza binti Jamaludin         | - | " |
| 22. | Encik Kenneth Sam A/L Samintahan   | - | " |
| 23. | Encik Mohamad Kamil bin Harun      | - | " |
| 24. | Encik Jaafar bin Mat Akid          | - | " |

### **TURUT HADIR (PEGAWAI MPSJ)- PEJABAT**

25. Ir. Rosli bin Mohammad Yunus, K.M.N , P.J.K.  
Pengarah, Jabatan Kejuruteraan
26. Tuan. Hj. Mohd Fadzil bin Mahat, A.M.N., A.M.S.  
Pengarah, Jabatan Perbendaharaan
27. Encik Muhammad Zaki bin Yusoff  
Pengarah, Jabatan Pembangunan Masyarakat
28. Encik Samzol bin Saat  
Pengarah, Jabatan Teknologi Maklumat
29. TPr. Hazman bin Mohd Mahayudin  
Timbalan Pengarah, Jabatan Perancangan Bandar

### **TURUT HADIR (PEGAWAI MPSJ)- DALAM TALIAN DI PEJABAT MASING-MASING**

1. Encik Ismail bin Salim, P.J.K.  
Pengarah, Jabatan Penguatkuasaan
2. Dr. Roslan bin Mohamed Hussin, A.M.S.  
Pengarah, Jabatan Kesihatan
3. Puan Hjh. Anita binti Abd Jalil, P.P.T.  
Pengarah, Jabatan Undang-Undang
4. Sr. Aida binti Omar, MRISM  
Pengarah, Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta
5. Puan Hjh. Sharifah Rohaida binti Abd Rahman, P.J.K.  
Pengarah, Jabatan Hasil
6. Ts Azura Binti Mohd Don  
Pengarah, Jabatan Pengurusan Alam Sekitar

7. Encik Nor Azmi bin Hj. Mohd Rosli, P.P.T.  
Pengarah, Jabatan Bangunan
8. Puan Hjh. Noraziah binti Ali, K.M.N, P.J.K.  
Pengarah, Unit Audit Dalam
9. Sr Nazarudin bin Mashtuki  
Pengarah, Jabatan Kontrak dan Ukur Bahan
10. Encik Farid bin Ibrahim  
Pengarah, Jabatan OSC
11. Sr. Mohd Marwan bin Khalilludin  
Pengarah, Jabatan COB
12. Encik Afzarizal Bin Abdul Rashid  
Timbalan Pengarah, Jabatan Korporat dan Pengurusan Strategik
13. Puan Azlina Binti Mat Salim  
Penolong Pengarah (Kanan), Jabatan Landskap
14. Puan Emilia binti Nasir  
Penolong Pengarah, Unit Integriti
15. Rosmawati binti Zainuddin  
Penolong Pengarah (Kanan), Jabatan Pelesenan

**TIDAK HADIR DENGAN MAAF**

1. TPr Ismail bin Muhamad, A.I.S  
Pengarah, Jabatan Perancangan Bandar
2. Encik Muhammad Azli Bin. Miswan  
Pengarah, Jabatan Pelesenan

## **URUSETIA**

1. Puan Nik Zalina binti Megat Muda  
Timbalan Pengarah, Jabatan Khidmat Pengurusan
2. Puan Mazura binti Mohamad  
Penolong Pengarah, Jabatan Khidmat Pengurusan
3. Puan Juliana binti Jaafar  
Penolong Pegawai Tadbir Kanan, Jabatan Khidmat Pengurusan